

D714

U B419 DEB

MAHATHIR - MAS

SUBANG, 21 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKAN PEMBELIAN ENGIN JENIS PRATT AND WHITNEY UNTUK PESAWAT BOEING 747 OLEH PETRONAS SEBAGAI SATU URUSAN PERNIAGAAN BIASA.

PESAWAT ITU DIBELI OLEH PETRONAS YANG AKAN MENYEWAKANNYA KEPADA SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS).

PERDANA MENTERI BERKATA IA ADALAH BAGI KEPENTINGAN MAS UNTUK MENGGUNAKAN PESAWAT DAN ENGIN YANG BAIK DAN SESUAI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA DIMINTA MENGULAS LAPORAN DARI HONG KONG YANG MENYEBUT BAHAWA SYARIKAT ROLLS ROYCE YANG MENGELUARKAN ENGIN KAPAL TERBANG MENGANCAM MENYAMAN KERAJAAN MALAYSIA KERANA MEMBELI ENGIN PRATT AND WHITNEY UNTUK PESAWAT BOEING 747.

MENURUT LAPORAN ITU SYARIKAT BERKENAAN KERUGIAN KONTRAK AS\$40 JUTA (KIRA-KIRA M\$100 JUTA) BAGI MEMBEKALKAN ENGIN ROLLS ROYCE UNTUK PESAWAT MAS.

KETIKA DITANYA MENGAPA PETRONAS YANG MEMBELINYA DAN TIDAK MAS, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK MAHU MAS MEMBELANJAKAN WANG YANG TERLALU BANYAK UNTUK PELABURAN MODALNYA. -- LAGI

MAHATHIR - MAS 2 SUBANG
MENGENAI CUEPACS, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MEMBERI SEBARANG KOMEN MENGENAI PERKEMBANGAN TERBARU KERANA KATA BELIAU: +SAYA BELUM DIBERI TAKLIMAT LAGI.+

CUEPACS BERCADANG MENERUSKAN PIKETNYA RABU INI JIKA TIDAK MENERIMA SEBARANG REAKSI POSITIF DARIPADA KERAJAAN.

SAMBIL BERSELOROH DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA +DATUK MUSA MENGARAHKAN SEMUA PIHAK JANGAN MENGELUARKAN KENYATAAN AKHBAR, JADI SAYA TIDAK SEPATUTNYA BERCAKAP KEPADA ANDA.+

MENGENAI TINDAKAN DATUK MAK HON KAM DAN DATUK DR. TAN TIONG HONG YANG TIDAK LAGI MEMPERCAYAI JAWATANKUASA SEMENTARA PIMPINAN ENCIK GHAFAR BABA, PERDANA MENTERI BERKATA +ITU MASALAH DIA.+

KETIKA DITANYA SAMA ADA TINDAKAN ITU AKAN MELAMBATKAN LAGI PENYELESAIAN KRISIS MCA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +MUNGKIN. SAYA TIDAK TAHU.+

MENGENAI DAKWAAN SETIAUSAHA AGUNG MCA ENCIK YEOH POH SAN BAHAWA DATUK MAK BERKATA PERDANA MENTERI MEMBERITAHUNYA (DATUK MAK) PADA 10 OGOS LALU YANG BELIAU (PERDANA MENTERI) MAHUKAN DATUK MAK MENJADI PRESIDEN MCA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA:

+SAYA GEMBIRA MENDAPAT TAHU BAHAWA SAYA YANG MELANTIK PRESIDEN MCA.+

-- BERNAMA

2107MST 21 10 85